

BIDAAH DAN KHURAFAT

Kullu bid'atin Dholalatun wakullu dholalatin fi nnari-Hadith Syarif

-----*-----*

Bidaah sesat sebagaimana yang telah dijelaskan dahulu terlalulah berat hukumnya di dalam Islam: di dalam kitabnya “ila bada’ fi mudhorin ala bitadha’ fadhilat Al-Ustaz Al Syeikh Ali Mahfuz telah menerangkan hukum-hukum terhadap orang-orang yang mengerjakan bidaah sesat itu katanya. “Kiranya pekerjaan bidaah itu daripada perkara-perkara yang menjadikan murtad (nauzubillah minzalik) maka hukumannya ialah hukuman yang dijatuhkan kepada orang-orang yang murtad iaitu ditaubatkan. Kalau ia enggan bertaubat maka balasannya ialah hukuman taubat. Kalau pula bidaah itu tidak menjadikan murtad maka hukumannya adalah berlain-lain pula iaitu menurut berlain-lainnya hal keadaan bidaah itu.....yang tiap-tiap satunya mempunyai hukum ijihad yang tertentu, kerana tidak tersebut di dalam syarak berkenaan bidaah sesatu hukuman yang tertentu, yang tidak boleh ditambah dan dikurangi sebagaimana hukuman-hukuman yang tersebut pada kebanyakan perkara-perkara maksiat seperti: Mencuri, merompak di pertengahan jalan, membunuh, meminum arak dan seterusnya. Hanyasanya hukumannya (bidaah itu) menurut sekadar mana yang dijelaskan oleh ijihad dan setinggi-tinggi hukuman yang dikenakan (kepad aorang-orang yang melakukan bidaah sesat itu-P) ialah hukuman bunuh dan serendah-rendah ialah mengingati orang ramai supaya jangan tercebur ke dalamnya. Manakala di antara kedua-dua hukuman yang tersebut ada pula beberapa hukuman yang berperingkat (tidak sama) seperti: dider, dijel dan dibuang negeri, dipulaukan tidak boleh diterima nikah kahwinnya, tidak boleh diterima menjadi saksi....” tidak boleh dijadikan ketua atau kadi, dan tidak boleh dipilih menduduki jawatan-jawatan keadilan (kehakiman)....”

Suatu contoh yang menggambarkan bagaimana seorang yang telah

perintah supaya dibebaskan.

mengakukan bidaah telah didera dan dijel oleh Saidina Umar

Ibnu Al-Khattab radiallahuanhu. Peristiwa ini telah diriwayatkan oleh Ibnu Wahab daripada Malik bin Annas katanya: Sobi’ Al-Iraqi telah tawaf (mengelilingi baitullah) dengan membawa kitab Allah bersama-sama sambil berkata: Siapa-siapa hendak mendalamkan pengetahuan maka ia akan diberi pengertian yang luas oleh Allah dan siapa-siapa yang hendak belajar maka ia akan diajar oleh Allah. Ia telah dibawa mengadap Saidina Umar lalu didera dan dijel. Setelah bekas sesat itu ringan

sedikit maka ia telah dikeluarkan dan didera lagi. Sobi’

itupun bermohon kepada Saidina Umar katanya: “Kiranya Amirul Al-Mukminin berkehendak membunuh saya maka bolehlah saya seberapa segeranya kalau tidak maka sesungguhnya Amirul Al-Mukminin telah menyembuhkan penyakit saya”(maksudnya ia telah bertaubat daripada kesalahan itu-P) Saidina Umar pun memberi

Yang telah masyhur diketahui bahawa Sobi’Al-Iraqi yang tersebut

kerap kali bertanyakan tentang makna ayat-ayat Quran yang tidak jelas maksudnya (Al-Mutasyabihat) dan dengan itu bermakna ia telah membuka pintu syak kepada orang rami di dalam kandungan kitab suci Al-Quran inilah yang menyebabkan Saidina Umar menjatuhkan hukuman dera di atasnya lalu buang negeri daripada Madinah dan telah diperintahkan supaya orang ramai memutuskan perhubungan dengannya disebabkan bidaah yang diharamkan yang dilakukan olehnya sebagaimana kasihan yang tersebut di atas itu.

Dalam perkara yang demikian ini adalah diriwayatkan daripada Al-Imam Al-Syafie radiallahuanhu bahawa ia telah menjatuhkan hukuman di atas golongan yang melakukan bidaah supaya mereka disebat dan diarak di atas unta dikeliling negeri sambil menyorak-nyorakkan: “Inilah balasan orang-orang yang meninggalkan hukum kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya dan mengambil alasan-alasan daripada

ilmu Al-Kalam yang tidak tentu asal puncanya.”

Syiekh Al-Islam Ibnu Tamiyyah pula berkata: “Orang yang menyeru kepada bidaah itu berhak menerima hukuman dengan iktikad orang-orang Islam dan hukumannya itu adakalanya dengan dijatuhkan hukuman bunuh seperti kaum Khawarij (ahli bidaah yang sesat -P) dan ada kalanya dengan hukuman yang kurang daripada itu. Kiranya pula telah ditimbang dan didapati orang itu tidak patut dikenakan hukuman atau tidak dapat dijalankan hukuman di atasnya (kerana ada mana’nya-p) maka tak dapat ada hendaklah diterangkan bidaahnnya dan mengingati orang ramai daripadanya kerana yang demikian ini adalah termasuk di dalam perintah agama “*al-amr bi al-ma’ruf wa al-nahyu ‘an al-munkar*” (menyuruh dengan kebijakan dan melarang daripada kejahanatan)

Mandi Safar Bidaah

Soal mandi Safar rasanya tidak payah dilanjutkan di sini kerana telah diketahui ramai sebagai suatu perbuatan bidaah yang tidak disuruh oleh agama, bahkan terkeji dan dilarang.

Punca terbitnya bidaah ini ialah daripada suatu hadith palsu yang berbunyi: “Akhar arba’i fil syahr nahi mustamar” (Akhir rabu dalam tiap-tiap bulan itu ialah nahas yang berkekalan).

Benar ada suatu hadith Rasulullah yang sahih diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah katanya Rasulallah bersabda:

Melayunya: “Tutuplah bajena kamu dan ikatkanlah kerbah-kerbah kamu (sejenis bekas air daripad kulit) kerana dalam setahun itu ada satu malam turun bala di dalamnya tiada lalu di atas suatu bajena yang tiada bertutup atau “kerbah” yang tiada berikat maka akan masuklah (bala itu) di dalamnya.

Tetapi hadith ini tidak menentukan malam itu pada bulan Safar. Apabila difikirkan pekerjaan maksiat-maksiat yang dilakukan pada akhir rabu’ Safar, seperti berhimpun ramai-membawa anak isteri menari dengan terkinja-kinja dihadapan khalayak ramai dengan tidak menaruh aib dan sopan sebagaimana yang dilakukan pada tiap-tiap tahun di Melaka maka makin bertambah keji dan wajib dijauhi!- Saifuddin.

Makalah Tuan Za’ba

Karangan Tuan Za’ba mencapai ketinggian dunia akhirat yang tersiar dalam “Qalam” bilangan 27 yang lalu oleh kerana dirasa perlu ditambah supaya terang lagi maka pengarangnya minta ditambah seperti di bawah ini:

Muka 27 ruangan 2 baris 2 dari atas katalah: “Mudah mudahan kamu beroleh”: Baris 4 dari bawah katalah: “Pembunuhan barang bernyawa atau menyembelih binatang”.

Muka 28 ruangan 2 tempat diakhiri baris 6 dari atas: “maka tidaklah memadai bagi maksud keinsafan akal dan kehalus budi jika “melawan”. Itu hanya dengan mengingatkan takut akan undang-undang dan larangan sahaja. Pada hal perasaan mengaku akan salahnya dan jahatnya itu tidak ada.....segala perjuangan melawan tarik-tarikan jahat hendak sentiasa berwujud di atas kesedaran bahawa yang dilawan itu sebenarnya tiada betul. Tiada patut. Tiada bersih. Tiada adil”. Baris 17 tambah: “Yakni jalan yang betul”.

Muka surat 29 ruangan 1 baris 13 dari atas katalah: menolong binatang-binatang yang “baris 15 katalah: “berkehendak akan”: baris 18 masukkan ejaan “mutolaat””: baris 19 antara “lapang” dengan “dan” masukkan perkataan “mengarang kitab-kitab”; baris 23-24 buang “sekalian itu”: baris 25 ganti “menyempurnakan” dengan “mengerjakan”.

Muka 31 ruangan 1 baris 1 tambah kemudian daripada “aniayanya”: tentang insafnya menimbulkan fikiran dan pendapat orang lain, tentang taksubnya membenarkan pihaknya sahaja; tentang lembut dan bijaksananya menarik orang kepada fahamannya, tentang kasar dan celuparnya mengata-ngata orang yang bersalah dengan fahamannya itu!-“baris 5 dari atas katalah kedudukannya. Baris 11 mulai paragraph lain dari perkataan “perkara”. Baris 13 ‘akal yang siuman”. Baris 17 katalah “kepada hak-hak”; baris 18 katalah “ sama ada meminta sedekah”: baris 20 ganti “kutu” dengan “kotor”, ruangan 2 baris 13 dari atas katalah betul hati”: baris 15 katalah “dan kepada kaum”.

Muka 32 ruangan 1 baris 15 dari atas katalah “sedapat-dapatnya pula”: baris 18 buang “akan”: baris 20 katalah “katalah akan kedua-dua pihaknya”: ruangan 2 baris 6 ndari atas kata: Pada apa-apa fikirannya”.

.*.

Dalam makalahnya keluaran ini yang tersiar di muka 31 ruangan kedua baris 3 dari bawah harap dibetulkan ibaratnya yang berbunyi: “wal hasilnya’ pada segala perkara yang demikian ini wajiblah seorang itu diganti dengan: ini hanya disebutkan tentang mudaratnya kepada keselamatan yang madaya (kebendaan) dan kesihatan pihak dari yang zahir ini sahaja.

Tetapi yang terlebih dasyatnya lagi ialah mudharatnya sekalian itu kepada keselamatan dan kesihatan pihak batin pihak fikiran pihak hati dan budi pekerti. Pihak semangat, pihak ruhani, pihak diri yang di sebelah dalam kejadian kita. Wal hasilnya pada sehgal perkara seperti yang terbabit tadi itu wajiblah tiap-tiap seorang menahan dan menyekat.....”